

# Sumbangan ke Arah Kesejahteraan Alam Sekitar dan Kesihatan Masyarakat oleh Pelajar Tahun 3 HY07

Oleh: Lee Jau Shya



Khidmat masyarakat adalah salah satu komponen penting aktiviti kokurikulum yang melibatkan pelajar secara berkumpulan dalam aktiviti komuniti setempat. Seramai 64 orang pelajar tahun 3, Program Teknologi Makanan dan Biopemprosesan (HY07) telah menyumbangkan khidmat bakti mereka kepada masyarakat di Kampung Kokol, Menggatal pada 3 Disember 2011.

Aktiviti ini merupakan kerja lapangan yang julung kali dijalankan dalam kurikulum kursus NB30103 Pembungkusan Makanan. Objektif utama aktiviti ini adalah: a) meningkatkan kesedaran penduduk kampung tentang kesan pembungkus plastik ke atas persekitaran dan kesihatan; dan b) menyalurkan maklumat tentang amalan-amalan pembuangan pembungkus makanan yang berkesan. Melalui aktiviti ini, pelajar dapat berkongsi pengetahuan kepada masyarakat setempat, khususnya tentang pemilihan dan penggunaan pembungkusan makanan yang sesuai serta kaedah pengurusan bahan buangan pembungkus yang berkesan untuk pemuliharaan alam sekitar.

Pada hari Sabtu, 3 Disember 2011, semua pelajar tahun 3 HY07 bersama pensyarah kursus (selaku pembimbing program khidmat masyarakat) telah bertolak dari

Kampung E, UMS ke Kampung Kokol, Menggatal. Rombongan pelajar disambut oleh Ketua Kampung Kokol, Pn. Alice Sindin. Program khidmat masyarakat ini dimulakan dengan demostrasi cara mengagihkan jenis-jenis bahan buangan untuk dikitar semula oleh sebilangan pelajar (diketuai oleh saudara Fong Soon Loong). Penduduk kampung telah ditunjukkan cara mengasing dan mengkategorikan bahan buangan kertas dan plastik mengikut cara yang betul. Pengagihan yang betul bukan sahaja membantu proses pengitaran semula dengan lebih efektif, malah meningkatkan nilai jualan bahan buangan kepada syarikat kitar semula.

Acara seterusnya diadakan di Dewan Masyarakat Kampung Kokol dengan ucapan alu-aluan oleh Pn. Alice Sindin, diikuti oleh penjelasan program khidmat masyarakat oleh Pengarah program, Saudari Noor Azureen Armanus. Acara diteruskan dengan ceramah kesedaran tentang kesan-kesan penggunaan bahan pembungkus plastik ke atas kesihatan dan alam sekitar. Selepas itu, saudari Yu Ai Ling mendemostrasikan 7 langkah mencuci tangan kepada para hadirin. Untuk meningkatkan penglibatan penduduk kampung dalam ceramah berkenaan, beberapa sesi kuiz telahpun diadakan

sepanjang ceramah. Hadiah-hadiah berbentuk gula-gula dan coklat telah disediakan untuk kanak-kanak.

Seramai lebih kurang 30 orang penduduk kampung telahpun menyertai program dianjurkan pada pagi tersebut. Program hari itu diakhiri dengan ucapan penghargaan daripada Pembimbing Program kepada semua penduduk kampung dan juga penyerahan duit jualan bahan kitar semula.

Program ini telah memberi peluang untuk pelajar berinteraksi secara sihat dengan masyarakat luar kampus, khususnya di Kampung Menggatal. Pelajar-pelajar telah mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan norma serta nilai positif yang dipelajari dalam bilik kuliah secara praktikal. Kemahiran insaniah seperti pengurusan maklumat, komunikasi, kepimpinan, dan sebagainya telah berjaya diterapkan dalam aktiviti ini. Adalah diharapkan program ini dapat menanam sifat tanggungjawab di samping menyemai rasa kesedaran terhadap peranan mahasiswa untuk sama-sama mencurahkan bakti dan melibatkan diri secara langsung dalam usaha membina masyarakat yang sejahtera.